

Appendix A

Mr Hawazi Daipi: Saya rasa semua penduduk Singapura, tidak kira bangsa atau kaum, harus mengambil iktibar daripada masalah yang kita hadapi sekarang ini. Ini merupakan masalah global yang dihadapi oleh semua negara.

Walaupun demikian, mungkin Singapura adalah salah sebuah negara yang lebih teruk terjejas dengan masalah ini, kerana kita mempunyai ekonomi yang terdedah kepada gejala perubahan dan cabaran di seluruh dunia. Pengajaran yang paling utama, yang saya rasa boleh dipelajari setiap individu atau keluarga, ialah hakikat bahawa jika kita mempunyai tabungan yang utuh dan cukup, kita boleh menangani banyak cabaran yang melanda keluarga kita.

Tabungan kita di peringkat nasional, yang telah kita kumpulkan selama beberapa dekad, membolehkan kita menggunakan hampir \$5 bilion untuk membantu rakyat Singapura menghadapi masalah kemelesetan ini, khususnya dalam usaha untuk mengekalkan pekerjaan mereka. Bayangkan jika kita menghadapi masalah dalam keluarga, baik masalah kehilangan pekerjaan dan pendapatan, masalah kesihatan dan sebagainya, dan dapat menggunakan tabungan yang telah kita kumpulkan selama bertahun-tahun.

Untuk itu saya berharap Lembaga Tabung Simpanan Pekerja (CPF) dan juga Kementerian Kewangan akan meningkatkan usaha untuk membantu rakyat Singapura mempunyai atau mendapatkan pendidikan kewangan dengan lebih baik lagi. Ini adalah satu perkara yang sangat penting kerana sebahagian rakyat Singapura yang menghadapi masalah kewangan dalam keluarga mereka, adalah antaranya, mereka yang tidak dapat mengawal perbelanjaan ataupun kewangan mereka. Saya harap pihak kementerian akan meningkatkan usaha ini.

Akhir kata, saya berharap rakyat Singapura, dari semua kaum, akan mengambil pengajaran dan iktibar daripada masalah yang kita hadapi ini, dan membantu diri serta keluarga mereka, dengan menyesuaikan minda untuk melunakkan lagi kebolehan mereka mendapatkan pekerjaan. Terima kasih.